

Tarikh Dibaca: 10 Zulhijjah 1446H / 07 Jun 2025



KHUTBAH EIDULADHA

Tajuk:

“BERKORBAN ATAU TERKORBAN”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"BERKORBAN ATAU TERKORBAN"

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ
الْكَافِرُونَ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ
وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ
الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيُ قَالَ يَبْنَئِي إِنِّي أَرَى فِي
الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانْظُرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَتَأَبَّتْ أَفْعَلُ مَا تُؤْمَرُ
سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ.¹

¹ Al-Saffat: 102.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada pagi hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah Eiduladha yang bertajuk “**BERKORBAN ATAU TERKORBAN**”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

² Ali ‘Imran: 102.

Muslimin dan Muslimat yang dikasihi Allah SWT,

Hari ini kita berhimpun bersama dalam suasana penuh kesyukuran dan keinsafan, meraikan Hari Raya Eiduladha, hari kebesaran yang mengangkat makna pengorbanan, ketaatan dan keikhlasan yang agung. Ia bukan sekadar satu perayaan tahunan, tetapi satu medan untuk kita memperingati dan menghayati kisah pengorbanan luar biasa Nabi Ibrahim *Alaihissalam* dan anakandanya, Nabi Ismail *Alaihissalam*.

Dalam al-Quran, Allah SWT merakamkan kisah Nabi Ibrahim *Alaihissalam* yang diperintahkan melalui mimpi untuk menyembelih anakandanya sendiri iaitu Nabi Ismail *Alaihissalam*. Seorang ayah yang telah begitu lama menanti kelahiran zuriat, akhirnya diuji dengan perintah yang amat berat. Namun, sidang jemaah sekalian perlu sedar bahawa pengorbanan ini tidak mungkin dapat dilaksanakan melainkan dengan wujudnya kepatuhan dan ketaatan mutlak kepada Allah SWT, bukan hanya dari Baginda seorang, tetapi juga daripada anakandanya Nabi Ismail *Alaihissalam*. Bayangkan jika Nabi Ismail *Alaihissalam* membantah maka tidak wujudlah ketaatan secara menyeluruh dalam keluarga Baginda.

Maka jelaslah di sini, pengorbanan itu bukan hanya terletak di bahu individu, tetapi lahir daripada suasana yang menyokong, yang membenarkan dan memperkuat ketaatan.

Kita juga dapat perhatikan bagaimana Nabi Ibrahim *Alaihissalam* mampu membina keyakinan dalam dirinya melalui wahyu yang datang berulang kali daripada Allah SWT. Keimanan Baginda tidak goyah walaupun diuji dengan sesuatu yang paling Baginda sayangi. Baginda juga tidak terus bertindak melulu tanpa sebarang pertimbangan. Sebaliknya, Baginda

memilih untuk memberitahu anaknya sebagaimana yang dirakamkan dalam surah al-Saffat ayat 102 yang bermaksud:

"Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya aku bermimpi bahawa aku akan menyembelihmu, maka fikirkanlah bagaimana pendapatmu!"

Lantas dijawab dengan penuh taat dan redha oleh Nabi Ismail *Alaihissalam*:

"Wahai ayahku, jalankanlah apa-apa yang diperintahkan kepadamu! Insya-Allah, ayah akan mendapati aku termasuk dalam golongan orang yang sabar".

Demikianlah kemuncak ketaatan dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim *Alaihissalam* dan Nabi Ismail *Alaihissalam* sehingga menjadi asas pensyariatkan ibadah korban. Dan inilah juga natijah daripada persekitaran yang mendukung ketaatan berlandaskan kefahaman agama yang sahih dan keyakinan teguh terhadap apa yang diperintahkan oleh Allah SWT.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat yang dimuliakan,

Kita seharusnya sedar dan insaf bahawa di sebalik maqasid ibadah korban itu bukan sekadar menyembelih haiwan semata. Hakikatnya, ibadah ini menuntut satu bentuk pengorbanan yang jauh lebih besar iaitu keikhlasan dan kesanggupan untuk mengorbankan segala apa yang menghalang kita daripada mentaati Allah SWT.

Tanyakan pada diri kita, apakah sebenarnya yang menghalang kita daripada memberikan ketaatan mutlak kepada Allah SWT? Mungkin antara

penghalang utamanya ialah apabila kita tunduk kepada hawa nafsu, terlalu ghairah dengan keinginan dunia hingga lalai daripada mengingati akhirat serta mudah terpengaruh dengan persekitaran yang merosakkan dan jahil tentang urusan agama. Semua ini perlahan-lahan menjadikan hati kita keras, amal soleh terasa berat untuk dilaksanakan manakala maksiat dirasakan ringan dan seolah-olah biasa dilakukan.

Di zaman ini, mentaati perintah Allah SWT mungkin menjadikan kita kelihatan asing di mata orang.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

بَدَأَ الْإِسْلَامُ غَرِيبًا، وَسَيَعُودُ كَمَا بَدَأَ غَرِيبًا، فَطُوبَى لِلْغُرَبَاءِ

"Islam bermula dalam keadaan asing, dan ia akan kembali asing sebagaimana ia bermula. Maka beruntunglah orang-orang yang asing (al-ghuraba')".

(Riwayat Muslim).

Justeru, kita mesti berbangga, kita dipandang asing kerana memilih untuk patuh, saat ramai yang sedang leka. Kita dipandang asing kerana ingin menjaga agama, saat ramai yang menjualnya. Tetapi yakinlah, keberkatan itu sentiasa bersama orang-orang yang istiqamah, walaupun dipandang asing oleh dunia.

Bersempena Eiduladha ini, marilah kita suburkan semula semangat pengorbanan yang kini dipandang asing. Korbankan segala bentuk hawa nafsu dan keinginan dunia yang melalaikan kita daripada jalan Allah SWT.

Korbankan rasa keakuan, keselesaan, dan kepentingan diri demi membentuk keluarga yang taat dan masyarakat yang sentiasa menjunjung syariat dalam membina negara yang sejahtera. Jangan sampai kita menjadi umat yang lalai, hanyut dengan kemewahan dunia sehingga akhirnya keimanan dan ketaatan kita sendiri yang terkorban.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat yang berbahagia,

Pada hari ini, kita dapat lihat kesatuan umat Islam yang luar biasa. Di Tanah Suci, jutaan umat dari pelbagai bangsa dan latar belakang berhimpun di Arafah dan Mina dengan memakai pakaian yang sama, mengerjakan ibadah yang sama, menghadap kiblat yang sama dengan satu tujuan yang sama iaitu semata-mata ingin mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Maha Suci Allah SWT yang mampu menyatukan hati para hamba-Nya yang datang dari pelbagai pelosok dunia tanpa hubungan darah, tetapi disatukan atas ikatan aqidah dan iman. Inilah keunikan Islam yang tidak mampu ditandingi oleh mana-mana agama dan ideologi di dunia ini.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Anbiya', ayat 92:

إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ.

"Sesungguhnya (agama tauhid) ini ialah agama kamu semua, agama yang satu dan Aku ialah Tuhan kamu, maka sembahlah Aku".

Allah SWT juga telah menjadikan kita umat terpilih lagi terbaik yang menjadi saksi ke atas umat manusia seluruhnya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 143 yang bermaksud:

"Dan demikian pula (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) umat yang adil dan terpilih agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan supaya Rasul (Muhammad) akan menjadi saksi atas (perbuatan) kamu semua".

Demikianlah, sebagai umat terpilih lagi terbaik yang menjadi contoh teladan, Allah SWT telah mendidik Rasulullah SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum* melakukan pengorbanan dengan menyerahkan seluruh jiwa, raga, masa, pemikiran, dan harta demi menegakkan agama Allah SWT. Pengorbanan mereka bukanlah bersifat sementara, bahkan berterusan hingga ke hari ini, kita dapat merasai kemanisan nikmat Iman dan Islam.

Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 111 yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah telah membeli diri dan harta daripada orang yang beriman dengan memberikan syurga kepada mereka (disebabkan) mereka berjuang di jalan Allah lalu (antara) mereka ada yang membunuh atau terbunuh. (Balasan syurga itu adalah) sebagai janji yang benar daripada Allah dalam Taurat, Injil dan al-Quran. Dan siapakah yang lebih menepati janjinya selain Allah? Maka, bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu dan (ketahuilah bahawa) jual beli (yang seperti itu) merupakan kemenangan yang besar".

Ganjaran syurga inilah yang mendorong para sahabat berlumba-lumba melakukan pengorbanan. Mereka memahami bahawa setiap sesuatu yang dikorbankan di dunia ini adalah pelaburan besar menuju akhirat yang kekal. Lihatlah bagaimana Saidina Abu Bakar as-Siddiq *Radiallahuanhu* menyerahkan seluruh hartanya untuk perjuangan Islam sehinggakan

Rasulullah SAW bertanya kepada beliau. Sepertimana dalam hadis yang diriwayatkan daripada Saidina Umar al-Khattab *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Wahai Abu Bakar, apakah yang engkau tinggalkan untuk keluargamu?". Beliau menjawab: "Aku tinggalkan untuk mereka Allah dan Rasul-Nya".

(Riwayat al-Tirmizi).

Begitu juga dengan Saidina Umar al-Khattab *Radiallahuanhu* yang membahagikan hartanya kepada dua bahagian, separuh untuk keluarganya dan separuh lagi diserahkan demi perjuangan dakwah Islam. Semangat pengorbanan seperti inilah yang perlu sentiasa dipupuk dan disuburkan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Kita mungkin tidak diminta untuk menyerahkan seluruh harta, tetapi kita dituntut untuk menyumbang sebaik mungkin dalam bentuk masa, tenaga, pemikiran dan kewangan demi memartabatkan Islam.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Muslimin Muslimat yang dikasihi Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada pagi ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian kita iaitu:

1. Umat Islam hendaklah memahami bahawa pengorbanan yang hakiki ialah ketaatan mutlak kepada perintah Allah SWT tanpa syarat, walaupun ia menuntut sesuatu yang menguji jiwa dan perasaan, sebagaimana yang berlaku pada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail *Alaihimassalam*.

2. Umat Islam hendaklah mengorbankan segala unsur yang menjauhkan diri daripada Allah SWT sebelum ia menjadi sebab kecelakaan kita di dunia dan di akhirat.

3. Umat Islam hendaklah bersyukur dengan mengangkat syiar Islam melalui pelaksanaan ibadah haji ataupun korban bagi yang berkemampuan, sebagai tanda ketaatan dan pengabdian diri kepada Allah SWT serta menzahirkan semangat kebersamaan dan keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ
كَذَٰلِكَ سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْكُمْ وَبَشِّرِ
الْمُحْسِنِينَ.

"Daging-daging unta dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai keredhaan Allah, tetapi ketakwaan daripada kamulah yang dapat mencapainya. Demikianlah Allah telah menundukkannya untuk kamu supaya kamu mengagungkan Allah terhadap hidayah-Nya kepada kamu. Dan berilah khabar gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang yang berbuat baik".

(Surah al-Hajj: 37).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى إِحْسَانِهِ وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ ۖ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ³.

³ Ali 'Imran: 102.

Muslimin Muslimat yang diberkati Allah SWT,

Hari ini, dalam usaha kita membina keluarga yang harmoni, masyarakat yang bersatu padu dan negara yang makmur, semangat pengorbanan seperti yang ditunjukkan oleh keluarga Nabi Ibrahim *Alaihimussalam* perlu terus disemai dan dibudayakan.

Sematkan semangat pengorbanan ini dalam setiap tanggungjawab harian kita dengan menjadi hamba yang lebih taat kepada Allah SWT, lebih jujur dan ikhlas dalam menunaikan amanah serta lebih peka dan prihatin terhadap keperluan dan kesejahteraan masyarakat di sekeliling kita.

Jadikan Eiduladha ini sebagai titik tolak perubahan ke arah meningkatkan ketakwaan, memperkukuh hubungan sesama manusia dan memikul peranan masing-masing dengan penuh kesedaran sama ada sebagai hamba Allah SWT, ahli keluarga, jiran tetangga mahupun ahli masyarakat.

Tidak lupa juga untuk kita sama-sama mendoakan saudara-saudara kita yang sedang mengerjakan ibadah haji di Tanah Suci agar dikurniakan haji yang mabrur. Semoga Allah SWT menerima segala pengorbanan yang kita lakukan dan mengurniakan kepada kita semua keberkatan, keampunan, serta kekuatan untuk terus istiqamah berada di jalan-Nya.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.⁴

⁴ Al-Ahzab: 56.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ

عُمْرُهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ
مَقَاصِدَهُمَا لَطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Rahmatilah dan peliharalah para jemaah haji yang menjadi tetamu Allah (Duyufurrahman) pada tahun ini. Hindarilah mereka daripada segala kesulitan dan kepayahan, sepanjang keberadaan mereka di bumi Mekah dan Madinah.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ حَجَّهُمْ حَجًّا مَبْرُورًا، وَسَعْيِهِمْ سَعْيًا مَشْكُورًا،
وَذَنْبَهُمْ ذَنْبًا مَغْفُورًا، وَتِجَارَتَهُمْ تِجَارَةً لَّنْ تَبُورَ.

Ya Allah! Jadikanlah ibadah haji mereka ibadah haji yang mabrur, sa'i mereka sa'i yang diterima, dosa mereka dosa yang diampun, perbelanjaan mereka perbelanjaan yang tidak merugikan, wukuf mereka wukuf yang penuh keinsafan, dan kembalikanlah mereka ke tanah air dalam keadaan selamat, sihat wal afiat serta dipenuhi keberkatan.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Peliharalah negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Kurniakanlah kepada kami pemimpin yang amanah, jujur dan tegas dalam menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

Ya Allah! kukuhkanlah akidah umat Islam di negeri ini, berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum* serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.⁵
اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ مِنَّا، وَاجْعَلْ هَذَا الْعِيدَ عِيدًا مُمْتَلِنًا بِالْخَيْرِ
وَالْبَرَكَةِ وَالْمَغْفِرَةِ.

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁶
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁷
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁵ Al-Furqan: 74.

⁶ Al-Baqarah: 201.

⁷ Al-Nahl: 90.